

Harga beras import turun hasil rundingan dengan India

Bukit Mertajam: Harga beras putih import berjaya dikurangkan selepas rundingan dengan Kerajaan India dalam sesi lawatan diadakan ke negara itu, baru-baru ini.

Pada masa sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau mengakui terdapat isu dengan beras tempatan yang masih tidak dapat ditangani sepenuhnya.

Bagaimanapun katanya, kerajaan sedaya upaya berusaha mencari jalan bagi meringankan beban rakyat.

“Masalah kos (sara hidup), harga barang perlu ada inisiatif

(program) jualan murah seperti (jualan) Rahmah dan MADANI supaya dapat bagi tekanan (dijual) pada harga rendah.

“(Dari segi) beras tempatan ada masalah sedikit tetapi harga beras import turun selepas rundingan dengan Kerajaan India. Mereka setuju jual harga lebih murah, ia ringankan beban masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Jualan Termurah MADANI di Jalan Kampung Masjid Timah yang dihadiri lebih 3,000 pengunjung, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Anwar meng-

galakkan penggunaan aplikasi oleh nelayan bagi memudahkan urusan jual beli hasil laut pada harga berpatutan.

“Dengan memakai aplikasi itu, pengguna dapat membelinya secara langsung. Sebab itu perlu ada persaingan yang sihat,” katanya.

Terdahulu, media melaporkan Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) bersetuju menurunkan harga jualan beras putih import di pintu gudang BERNAS di Semenanjung Malaysia daripada RM3,000 per tan kepada RM2,800 per tan berkuat kuasa 1 Disember.



Anwar diiringi Pengerusi Task Force (Kluster Makanan) Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal meninjau Program Jualan Termurah MADANI di Jalan Kampung Masjid Timah, Permatang Pauh, semalam. (Foto Danial saad/BH)